

SAMBUTAN AIDIL FITRI 1442H DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

Mukaddimah

Sambutan perayaan dalam Islam adalah sangat menarik dan unik. Terdapat dua perayaan utama dalam Islam iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Kalimah ‘aid berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kembali. ‘Aid bererti kembali kepada Allah SWT secara menyeluruh dengan jiwa yang suci bersih.

Islam telah meletakkan perayaan sebagai suatu ibadah dan ketaatan terhadap Allah SWT. Justeru, syarak telah menyediakan garis panduan menyeluruh berhubung tarikh, masa, tatacara sambutan dan sebagainya. Jelasnya, perayaan dalam Islam hendaklah disambut dan diraikan berdasarkan garis panduan syarak serta perlu dijauhi daripada adat dan budaya yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Sekiranya diamati, pensyariatan kedua-dua perayaan utama dalam Islam berlaku selepas pelaksanaan ibadah yang besar dalam Rukun Islam. Hari Raya Aidilfitri tiba selepas ibadah puasa, manakala Hari Raya Aidiladha disambut selepas umat Islam menunaikan ibadah haji.

Perayaan Adalah Ibadat

Perayaan bukan sekadar meraikan hari raya dengan kegembiraan dan juadah beraneka warna sebagaimana yang difahami oleh sebahagian umat Islam yang keliru. Matlamat perayaan dalam Islam adalah jelas iaitu mengajak umat Islam agar kembali kepada Allah SWT, seterusnya menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Ibadat dan perayaan sangat berkait rapat kerana kemuliaan hubungannya dengan Allah. Titik persamaan antara ibadat dan perayaan dalam Islam ialah meletakkan matlamat hidup yang jelas dalam kehidupan manusia yang dicipta sebagai hamba Allah. Perkara ini penting supaya manusia mempunyai matlamat hidup yang jelas dan tidak memikirkan kebahagiaan hidupnya sahaja, malah turut memikirkan nasib orang lain di sekeliling.

Perayaan Yang Diraikan Bersama Orang Yang Tidak Berkemampuan

Kita sebagai manusia yang sentiasa dilimpahi kekayaan akan berusaha menampakkan tanda-tanda syukur kepada Allah SWT dengan mengasihi golongan yang miskin dan fakir. Hal ini selari dengan fitrah manusia yang akan merasa tenang setiap kali melakukan kebaikan. Malah, niat untuk melakukan kebaikan sahaja sudah cukup untuk membuatkan manusia berasa tenang dan bahagia. Dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW menjawab soalan seorang lelaki tentang maksud iman, lantas baginda menjawab :

... إِذَا سَرَّتَكَ حَسَنَتَكَ ، وَسَاءَتْكَ سَيِّئَتَكَ فَإِنَّهُ مُؤْمِنٌ .

“Apabila kebaikanmu membuatkan dirimu bahagia, tenang dan gembira, manakala kejahatanmu membuatkan dirimu sedih dan takut pada azab Allah, maka kamu adalah Mukmin.” (Riwayat Imam Ahmad 22166)

Perayaan Mengajak Kita Kembali Kepada Allah

Hari raya mengajak kita agar kembali kepada Allah SWT dalam setiap urusan kehidupan kita. Insan yang berjaya menunaikan perintah ibadah dan melepas ujian-Nya, wajar bergembira atas nikmat ini. Kegembiraan pada hari raya adalah kemuncak ketataan dan ‘ubudiyyah kepada Allah SWT. Justeru, umat Islam dituntut menzahirkan kegembiraan dan kesyukuran dengan bersolat, bertakbir, bertasbih dan bertahmid. Oleh itu, perayaan yang dicemari dengan acara maksiat bukan gambaran sebenar mukmin yang gembira melaksanakan ibadah dan perintah Allah SWT.

Secara umumnya, setiap pengorbanan adalah mulia dan besar nilainya pada sisi Allah SWT. Justeru, gunalah ruang sempit di dunia ini untuk melakukan pengorbanan supaya dapat berehat sepantas-puasnya di akhirat nanti. Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ بْنِ رِبْعَيِّ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّهُ كَانَ يُحَدِّثُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مُرَّ عَلَيْهِ بِجَنَازَةٍ فَقَالَ: «مُسْتَرِيحٌ وَمُسْتَرَاحٌ مِنْهُ»، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْمُسْتَرِيحُ وَالْمُسْتَرَاحُ مِنْهُ؟ قَالَ: الْعَبْدُ الْمُؤْمِنُ يَسْتَرِيحُ مِنْ نَصِيبِ الدُّنْيَا وَأَذَاهَا إِلَى رَحْمَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالْعَبْدُ الْفَاجِرُ يَسْتَرِيحُ مِنْهُ الْعِبَادُ وَالْبَلَادُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُ.

Daripada Abi Qatadah bin Rib'iy al-Ansari, dia meriwayatkan bahawa suatu hari Rasulullah saw melihat jenazah yang diusung melintasinya, lalu Baginda saw bersabda, “mustarih dan mustarah minhu.” Sahabat bertanya, “Ya, Rasulullah, siapakah yang dimaksudkan dengan mustarih dan mustarah minhu? Baginda menjawab, “Orang mukmin (mustarih) (yang meninggal dunia mereka) berehat daripada keletihan dunia dan kesengsaraannya menuju rahmat Allah, manakala kematian ahli maksiat (mustarah minhu) pula membolehkan manusia, negara, pepohon dan binatang berehat daripada kejahatannya.” (Riwayat Imam Bukhari 6514)

Amalan Yang Dituntut Untuk Meraikan Aidilfitri

Terdapat beberapa amalan yang dituntut yang boleh dilaksanakan oleh kita sebagai seorang Muslim dalam meraikan Aidilfitri dalam tempoh PKP 3.0 kali ini. Antaranya :

- 1. Menghadirkan Keinsafan Dan Bertaubat Kepada Allah.** Kita hendaklah sentiasa beristighfar dan memohon keampunan kepada Allah di atas segala dosa yang telah kita lakukan.
- 2. Meneruskan Qiamullail Pada Malam Hari Raya.** Pada 10 malam terakhir kita mampu untuk bangun malam menunaikan solat-solat sunat, membaca al-

Quran, berzikir dan seumpamanya untuk mendapatkan malam Lailatul Qadar. Maka sudah semestinya malam raya adalah pelengkap kepada 10 malam terakhir ini.

- 3. Membuat Persiapan Hari Raya Secara Sederhana Dan Tidak Membazir.** Allah menyukai amalan dan perbuatan yang dilakukan secara sederhana dan tidak membazir. Tidak perlu semata-mata ingin memuaskan hawa nafsu kita berbelanja secara boros dan membazir.
- 4. Menzahirkan Kegembiraan.** Hari raya merupakan hari umat Islam bergembira kerana berjaya menunaikan ibadah puasa dan berjaya mengawal hawa nafsu mereka. Walaupun kita sekarang berhadapan dengan pandemik Covid 19, kita juga tidak terlepas untuk menzahirkan kegembiraan sesama ahli keluarga. Rasulullah membiarkan orang-orang Sudan mempamerkan permainan senjata mereka sebagai tanda kegembiraan. Malah Baginda membiarkan kanak-kanak perempuan menyanyi. Perkara ini direkodkan oleh al-Imam al-Bukhari :

وَكَانَ يَوْمَ عِيدٍ يَلْعَبُ الْشُّوَدَانُ بِالْدَّرَقِ وَالْحِرَابِ

“Pada hari perayaan, orang-orang Sudan bermain (mempamerkan perlawanan) perisai dan senjata mereka.” (Riwayat Imam al-Bukhari)

- 5. Mandi Sunat Hari Raya Sebelum / Keluar Menunaikan Solat Sunat Aidilfitri.** Walaupun ada di kalangan kita yang tidak berpeluang untuk menunaikan solat di masjid atau surau seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia, kita juga disunatkan untuk melakukan amalan sunat ini. Ulama besar Tabi'en Said Bin Jubair berkata : *“Tiga perkara sunnah di hari raya iaitu antaranya : mandi sunat sebelum keluar solat hari raya”*.
- 6. Memakai Pakaian Yang Terbaik.** Menurut al-Imam Ibn al-Qayyim, Rasulullah dikatakan memakai pakaian terbaik ketika hari raya. Saidina al-Hasan pernah menyebutkan:

أَمَرَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَلْبَسَ أَجْوَادَ مَا نَجَدُ

“Rasulullah mengajak kami memakai pakaian yang terbaik yang ada di sisi kami.” (HR al-Tabrani dan al-Hakim)

- 7. Menjamah Makanan Sebelum Keluar.** Kita disunatkan untuk makan dahulu sebelum menunaikan Solat Hari Raya. Saidina Anas r.a pernah meriwayatkan hadis yang menyebutkan :

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّىٰ يَأْكُلَ تَمَرَاتٍ

“Sesungguhnya Nabi SAW tidak akan keluar pada Hari Raya AidilFitri sehingga beliau makan terlebih dahulu beberapa biji tamar.”

- 8. Membanyakkan Takbir Ketika Keluar Menunaikan Solat.** Menurut al-Imam al-Zuhri, Rasulullah ﷺ bertakbir sepanjang perjalanan menuju ke tempat solat AidilFitri. Kata beliau:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ، فَيُكَبِّرُ حَتَّىٰ يَأْتِيَ الْمَصَلَّى

Sesungguhnya Rasulullah SAW keluar untuk menunaikan solat Aidilfitri dan Baginda bertakbir sehingga sampai ke tempat solat.

- 9. Menunaikan Solat Sunat Aidilfitri.** Bagi yang tidak berkesempatan menunaikannya di masjid atau surau, umat Islam boleh menunaikannya bersama-sama ahli keluarga di rumah masing-masing.

- 10. Berjalan Kaki Ke Tempat Solat.** Sekiranya kita mampu, sebaiknya kita hendaklah berjalan kaki ke tempat solat raya kerana baginda Nabi ﷺ sentiasa melakukan sedemikian. Kata Saidina Abdullah bin Umar:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْرُجُ إِلَى الْعِيدِ مَاشِيًّا، وَيَرْجِعُ مَاشِيًّا

Sesungguhnya Nabi SAW keluar untuk menunaikan solat Aidilfitri dalam keadaan berjalan kaki dan pulang juga berjalan kaki.

- 11. Pulang Solat Melalui Jalan Berbeza.** Salah satu sunnah Rasulullah ﷺ juga adalah menggunakan jalan yang berbeza ketika pulang dari solat sunat hari raya. Saidina Jabir r.a meriwayatkan :

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ يَوْمُ عِيدٍ خَالَفَ الطَّرِيقَ

“Sesungguhnya Nabi SAW pergi dan pulang dari menunaikan Solat Aidilfitri menggunakan jalan yang berbeza.”

- 12. Mengucapkan Selamat Dan Mendoakan Antara Satu Sama Lain.** Kalimah selamat yang digunakan di zaman baginda SAW adalah

تَقْبِيلُ اللَّهِ مِنَ الْمُنْكَرِ

“Taqabbalallahu minna wa minkum”

Semoga Allah menerima amalan (amalan dan ibadat di Ramadhan) kami dan kamu”.

Disebut dalam sebuah riwayat :

**قال واثلة لقيت رسول الله يوم عيد فقلت قبل الله منا ومنك قال
نعم قبل الله منا ومنك**

Berkata Wathilah, Aku bertemu Rasulullah s.a.w pada hari raya dan aku katakan pada baginda “taqabbalahu minna wa minka”, baginda menjawab : Ya, taqabbalallahu minna wa minka”

13. Merapatkan Hubungan Baik (Ukhuwwah) Sesama Muslim. Pada musim PKP 3.0 kita dilarang mengunjungi dan menziarahi sanak saudara dan sahabat handal. Oleh itu kita disarankan untuk merapatkan hubungan sesama muslim melalui pelbagai saluran media sosial yang ada. Rasulullah SAW bersabda :

مَن سَرَّهُ أَن يُبْسِطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ ، وَأَن يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثْرِهِ ؛ فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ

Barangsiapa yang suka untuk diperluaskan baginya rezekinya, dan ditangguhkan (dipanjang) umurnya, maka hendaklah dia menyambung (mengukuh) hubungan persaudaraannya (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Sebagai penutup, perayaan Aidilfitri adalah hadiah daripada Allah SWT untuk umat Islam yang berjaya melepas hari-hari sukar dalam menjalani perintah Allah dengan hati yang suci daripada najis maksiat dan ikhlas mengharapkan ganjaran-Nya di akhirat.

Disediakan oleh :

Bahagian Maktabah, Jabatan Mufti Negeri Perak

30 Ramadhan 1442H / 12 Mei 2021